



JAMIE TAN LEA FUNG

LATAR BELAKANG

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muzik dalam Persembahan Piano dari *University of Utah*, United States of America pada tahun 2001 di bawah Biasiswa *Graduate Teaching Assistant*, dan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Seni Muzik dari *Middlesex University*, London pada tahun 1998.

Subjek utama yang beliau mengajar adalah piano klasikal dan *Gu Zheng* iaitu sebuah instrumen tradisional Cina, kelas *keyboard, ensemble, music appreciation* (mengajar apa yang perlu didengari dan bagaimana untuk memahami apa yang didengari, seperti Muzik Klasikal), dan bertindak sebagai pengiring muzik di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Beliau telah mendapat pendedahan mengenai piano dengan mempelajarinya daripada beberapa pianist konsert yang terkenal di United Kingdom dan United States of America.

Beliau mempunyai pengalaman dalam mengajar piano selama 18 tahun kepada kanak-kanak dan orang dewasa secara individu dan berkumpulan. Beliau berminat dalam mengajar dan merasakan bahawa membantu orang lain sedar akan keindahan di dalam muzik itu memberikannya satu kepuasan yang tidak ternilai.

Sebelum beliau meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di London, beliau telah memulakan kerjayanya sebagai pemain piano di ruang legar *Hotel Holiday Inn* dengan memainkan pelbagai muzik klasikal dan pop termasuk gubahan beliau sendiri.

Beliau telah terpilih untuk mengadakan persembahan di universiti bagi *Honour's Recital* dan *master-class*. Beliau turut terpilih untuk mengadakan persembahan di *Utah Composer Music dan New Music Ensemble, The Chamber Work, Milton Babbitt's "All Set"* yang dijalankan oleh Komposer Amerika yang terkenal, Gunther Schuller. Beliau juga dijemput untuk menjayakan persembahan stail muzik yang berbeza di sekolah awam dan kolej komuniti.

Ketika masih menetap di Australia, beliau pernah bekerja dengan vokalis Australia, mengajar kursus muzik di Yamaha, dan menjalankan kelas *keyboard* di sekolah-sekolah. Beliau pernah mengajar, berkhidmat sebagai pemuzik iringan kepada vokalis, dan pemain instrument selama beberapa tahun di beberapa kolej dan universiti.

Beliau pernah mempersembahkan komposisi baharu oleh Dr. Marzelan Salleh ketika *7th Malaysian Composers Concert series 2016, IROSE Concert, dan Legacy Concert – Cultural Exchange Concert of Tradisional Music and Dance Between Japan and Malaysia*.

Beliau turut menjadi penganjur dan pengadil bagi *The 1st International Classical Piano and Vocal Competition*, dan pengadil bagi *16th Hong Kong (Asia Pacific) Chopin Piano Competition*.

Terbaharu, beliau telah dijemput ke stesen radio Ai FM di Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi sesi temubual mengenai pendidikan muzik di Malaysia. Beliau juga mengadakan *Piano Master-class*, Bengkel dan *Lecturer Recital* bagi anak-anak muda untuk mencuba sesuatu yang berbeza daripada pembelajaran individu.